

SEMUA PEGAWAI INSTITUT

Ruj : MDI/IN/PA/380/031

Tarikh: 4 Ogos 2022

Melalui:

Pengarah Pusat / Unit
Pengarah MARDI Negeri
Ketua Stesen
Pengurus Stesen

Tuan/Puan

**PEKELILING AM MARDI BILANGAN 6 TAHUN 2022:
POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT INSTITUT**

Segala hormatnya perkara di atas dirujuk .

2. Dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) MARDI Bilangan 2/2022 bertarikh 21 Jun 2022 telah memperakukan cadangan Kertas 4/2022 berkenaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Institut. Kertas cadangan ini juga telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Korporat MARDI (JPKM) Bilangan 7/2022 pada 25 Julai 2022.


3. Polisi ini diwujudkan untuk membolehkan mana-mana individu membuat pendedahan maklumat mengenai Kelakuan Tidak Wajar terhadap seseorang yang dilantik oleh Institut tanpa rasa gentar terhadap sebarang bentuk Tindakan Yang Memudaratkan. Individu yang ingin membuat pendedahan maklumat dipastikan menggunakan hak mereka secara bertanggungjawab dan wajar apabila mengesyaki akan sesuatu yang tidak betul akan berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku melibatkan kelemahan governans, integriti, jenayah dan rasuah.

4. Sehubungan itu, tuan/puan diminta untuk memastikan Polisi ini dimaklumkan di peringkat Pusat Tanggungjawab masing-masing.

Sekian dan terima kasih.

**“PENERAJU INOVASI AGROTEKNOLOGI”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar,



(DATUK DR. MOHAMAD ZABAWI BIN ABDUL GHANI)
Ketua Pengarah MARDI

s.k : Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan)
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan & Operasi)

nhasman/mydoc



INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA

PEKELILING AM MARDI BILANGAN 6 TAHUN 2022

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT INSTITUT

1. TUJUAN

- 1.1 Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk **membolehkan mana-mana individu** untuk membuat **pendedahan maklumat** mengenai Kelakuan Tidak Wajar bagi apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan terhadap seseorang yang telah dilantik oleh Institut **tanpa rasa gentar** terhadap sebarang bentuk Tindakan Yang Memudaratkan agar masalah dapat ditangani dengan efektif dan segera.
- 1.2 Polisi ini juga akan memastikan setiap individu yang ingin membuat pendedahan maklumat menggunakan hak mereka **secara bertanggungjawab** dan wajar terutamanya apabila mengesyaki akan sesuatu yang tidak betul akan berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku melibatkan kelemahan governans, integriti, jenayah dan rasuah.

2. TAFSIRAN

“Agensi Penguatkuasaan” ertinya agensi penguatkuasaan yang ditafsirkan di bawah Seksyen 2, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

“Institut” ertinya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau singkatannya MARDI.

“Pegawai” ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh Institut, dan dibayar emolumen oleh Institut, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat Institut atau mana-mana badan berkanun yang lain atau mana-mana Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mempunyai kepentingan.

“Kelakuan Tidak Wajar” ertinya apa-apa pelanggaran tatakelakuan di bawah Akta 605, amalan yang tidak sah dari segi akta, undang-undang, pekeliling, peraturan, arahan, standard, garis panduan, panduan dan tatacara; atau perlakuan jenayah yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah; atau tatakelakuan

yang melemahkan integriti dan governans Institut; yang akan berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku.

“Pegawai Penerima Maklumat” ertinya pegawai Unit Integriti Institut yang menerima pendedahan maklumat daripada Pemberi Maklumat.

“Pemberi Maklumat” ertinya Mana-mana individu yang membuat pendedahan maklumat terhadap pelanggaran tatakelakuan di bawah Akta 605, amalan yang tidak sah dari segi akta, undang-undang, pekeliling, peraturan, arahan, standard, garis panduan, panduan dan tatacara; atau perlakuan jenayah ; atau tatakelakuan yang melemahkan integriti dan governans berdasarkan pengetahuan dan kepercayaannya yang munasabah kepada Pegawai Penerima Maklumat.

“Polisi” ertinya merujuk kepada Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Institut.

“Jawatankuasa Menilai Maklumat” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Pekeliling AM MARDI Bilangan 13 Tahun 2016: Prosedur Pengurusan Aduan dan Prosedur Pengesanan dan Pengesanan termasuk pindaan-pindaan selepasnya.

“Tindakan Yang Memudaratkan” ertinya sebarang tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan; ugutan atau gangguan; gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian Pegawai Institut, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan Pegawai Institut atau pengambilan tindakan tatatertib; atau suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut di atas.

3. PERNYATAAN POLISI

3.1 Polisi ini **membolehkan mana-mana individu** untuk membuat **pendedahan maklumat** mengenai Kelakuan Tidak Wajar bagi apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 atau mana-mana akta, undang-undang, pekeliling, peraturan, arahan, standard, garis panduan, panduan dan tatacara yang berkaitan terhadap seseorang yang telah dilantik oleh Institut agar masalah dapat ditangani dengan efektif dan segera.

Polisi ini memberi perlindungan kepada Pemberi Maklumat agar tiada **Tindakan Yang Memudaratkan** boleh diambil terhadap Pemberi Maklumat atau mana-mana individu yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan Pemberi Maklumat sebagai tindakan balas terhadap pendedahan maklumat yang diberikan.

Polisi ini akan memastikan setiap individu yang ingin membuat pendedahan maklumat menggunakan hak mereka **secara bertanggungjawab dan wajar** terutamanya apabila mengesyaki akan sesuatu yang tidak betul akan berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku melibatkan kelemahan governans, integriti, jenayah dan rasuah.

4. PELAKSANAAN POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

4.1 Pendedahan Maklumat:-

Suatu pendedahan maklumat boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan apa-apa Kelakuan Tidak Wajar yang berikut oleh mana-mana individu terhadap Pegawai Institut.

4.1.1 Maklumat yang berkaitan dengan mana-mana perkara yang berikut boleh didedahkan:-

- i. Rasuah atau penipuan;
- ii. Kesalahan jenayah;
- iii. Salah guna wang atau aset Institut;
- iv. Kesalahan tata tertib;
- v. Kelemahan tadbir urus dalam pengurusan Institut;
- vi. Ketirisan kewangan dalam Institut;
- vii. Suatu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar dan spesifik kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga Institut atau orang awam atau keadaan persekitaran;
- viii. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah akta, undang-undang, pekeliling, peraturan, arahan, standard, garis panduan, panduan dan tatacara yang berkuat kuasa; dan
- ix. Dengan sengaja bersubahat atau mengarahkan atau menasihati atau menyebabkan seseorang melakukan kesemua atau mana-mana perkara di atas.

4.1.2 Polisi ini tidak memasukkan perlindungan kepada Pemberi Maklumat yang mana pendedahan maklumat tersebut seperti berikut:

- i. Maklumat yang diketahuinya adalah palsu, didorong oleh agenda peribadi atau berniat jahat;
- ii. Maklumat yang mempersoalkan merit dasar kerajaan, terutamanya dasar atau polisi Institut;
- iii. Maklumat untuk mengelak daripada ditamatkan perkhidmatan atau dikenakan tindakan tata tertib;
- iv. Maklumat mengandungi perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan oleh prosiding tata tertib Institut;
- v. Maklumat mengandungi perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui mana-mana tribunal atau pihak berkuasa atau mahkamah, penimbangtaraan atau lain-lain prosiding yang serupa;

- vi. Maklumat yang bersifat rungutan peribadi mengenai terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan, penilaian prestasi atau lain-lain aspek hubungan kerja individu; dan
- vii. Maklumat yang dibuat tanpa butiran identiti Pemberi Maklumat, identiti Pemberi Maklumat tidak dapat disahkan atau dibuat melalui surat layang. Sebarang tindakan yang akan diambil, jika ada, ke atas maklumat sebegini akan ditentukan bergantung kepada kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan maklumat tersebut.

4.2 Prosedur membuat pendedahan maklumat:-

4.2.1 Maklumat boleh diberikan melalui salah satu saluran berikut:-

- i. E-mel: unitintegriti@mardi.gov.my atau integriti@mardi.gov.my
- ii. Telefon: 03-8953 6050;
- iii. Bersemuka; atau
- iv. Surat ke alamat berikut:-

Unit Integriti MARDI
Ibu Pejabat MARDI,
Persiaran MARDI-UPM,
43400 Serdang,
Selangor Darul Ehsan.

4.2.2 Pendedahan maklumat yang diberikan secara bersemuka, Pegawai Penerima Maklumat akan menulis maklumat tersebut dan Pemberi Maklumat akan diminta untuk mengesahkannya. Maklumat tersebut boleh diberikan di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai dan selamat oleh Pegawai Penerima Maklumat.

4.2.3 Bagi Maklumat yang diberikan secara e-mel dan surat, pengendalian dan akses kepada pendedahan maklumat tersebut hendaklah diuruskan oleh Pegawai Penerima Maklumat sahaja.

4.2.4 Maklumat harus mengandungi sekurang-kurangnya butiran berikut:-

- i. Nama Pemberi Maklumat;
- ii. Nombor Kad Pengenalan Pemberi Maklumat;
- iii. Nombor telefon Pemberi Maklumat;
- iv. Alamat surat-menyurat Pemberi Maklumat yang lengkap;
- v. Alamat e-mel Pemberi Maklumat (jika ada);
- vi. Alasan-alasan yang munasabah, termasuklah maklumat berkaitan kesalahan, tarikh dan masa, tempat berlaku kejadian, identiti individu yang didedahkan dan bagaimana ianya berlaku;
- vii. Maklumat-maklumat saksi (jika ada); dan

- viii. Bukti-bukti dokumen (jika ada).
- 4.2.5 Pendedahan Maklumat tanpa butiran dalam perkara 4.2.4 yang boleh menyebabkan Pemberi Maklumat gagal dihubungi, Pegawai Penerima Maklumat berhak untuk tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap pendedahan maklumat tersebut. Namun begitu, sekiranya maklumat tersebut mempunyai merit mencukupi, Pegawai Penerima Maklumat boleh merujuk maklumat tersebut ke JMM. Dalam hal ini, tiada Pemberi Maklumat yang dilindungi oleh Polisi ini.
- 4.2.6 Pemberi Maklumat boleh diminta untuk tampil secara bersemuka atau dihubungi mengikut keadaan yang bersesuaian untuk mendapatkan keterangan tambahan sekiranya pendedahan maklumat yang diberikan perlu disiasat dengan lebih lanjut.

4.3 Penilaian Terhadap Pendedahan Maklumat:-

- 4.3.1 Pegawai Penerima Maklumat akan menilai pendedahan maklumat untuk memastikan sama ada maklumat yang diterima lengkap dan berasaskan peruntukan Polisi ini pada para 4.1.1, 4.1.2 dan 4.2.4;
- 4.3.2 Pegawai Penerima Maklumat menyediakan kertas untuk penilaian Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM);
- 4.3.3 Pengarah Unit Integriti boleh mengecualikan Pegawai Penerima Maklumat daripada mengendalikan pendedahan maklumat dan melantik pegawai lain yang difikirkan sesuai dan layak untuk mengendalikan pendedahan maklumat dan melindungi Pemberi Maklumat dalam Polisi ini jika;
 - i. Pendedahan maklumat itu melibatkan Pegawai Penerima Maklumat;
 - ii. Pemberi Maklumat percaya Pegawai Penerima Maklumat mempunyai kepentingan peribadi dengan individu yang terlibat dengan salah laku dalam pendedahan maklumat tersebut.
- 4.3.4 Sekiranya pendedahan maklumat melibatkan Pengarah Unit Integriti, Pemberi Maklumat boleh menyalurkan maklumat kepada Pegawai Penerima Maklumat dan Pegawai Penerima Maklumat hendaklah terus menyalurkan maklumat kepada Ketua Pengarah tanpa perlu merujuk kepada Pengarah Unit Integriti terlebih dahulu. Ketua Pengarah boleh mengarahkan Pegawai Penerima Maklumat mengambil tindakan lanjut dan mengecualikan sepenuhnya Pengarah Unit Integriti dalam semua proses tersebut sehinggalah diputuskan oleh JMM.
- 4.3.5 JMM mempunyai kuasa untuk membuat keputusan muktamad terhadap pendedahan maklumat seperti berikut:-
 - i. Maklumat dikategorikan sebagai *No Further Action* / Tiada tindakan lanjut dengan atau tanpa keputusan pentadbiran;
 - ii. Maklumat dikategorikan untuk tindakan pengesanan dan pengesanan (siasatan);

- iii. Maklumat dikategorikan untuk tindakan tatatertib;
- iv. Maklumat disalurkan kepada agensi penguatkuasaan; atau
- v. Maklumat dikategorikan untuk tindakan Surcaj.

4.4 Perlindungan kepada Pemberi Maklumat:-

4.4.1 Pemberi Maklumat adalah Pegawai Institut:-

- i. Identiti Pemberi Maklumat dilindungi dan dikelaskan sebagai "SULIT".
- ii. Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan individu yang dilaporkan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali kepada pihak yang berhak untuk mengetahuinya mengikut keperluan pada dasar "perlu tahu" sahaja.
- iii. Tiada **Tindakan Yang Memudaratkan** boleh diambil terhadap Pemberi Maklumat atau mana-mana individu yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan Pemberi Maklumat sebagai tindakan balas terhadap pendedahan maklumat yang diberikan.
- iv. Jika Pemberi Maklumat telah menghadapi Tindakan Yang Memudaratkan disebabkan kesan langsung kerana membuat pendedahan maklumat di bawah Polisi ini, Pemberi Maklumat boleh melaporkan perkara tersebut kepada Pengarah Unit Integriti / Pegawai Penerima Maklumat dan Pengarah Unit Integriti / Pegawai Penerima Maklumat hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada JMM bagi membolehkan JMM mempertimbangkan dan memutuskan apa-apa remedi yang wajar dan bersesuaian terhadap Pemberi Maklumat.
- v. Perlindungan tetap akan diberikan walaupun siasatan lanjut mendedahkan bahawa Pemberi Maklumat tersilap mengenai fakta, peraturan dan prosedur yang terlibat.

4.4.2 Pemberi Maklumat adalah Orang Awam:

- i. Identiti Pemberi Maklumat dilindungi dan dikelaskan sebagai "SULIT".
- ii. Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan individu yang dilaporkan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali kepada pihak yang berhak untuk mengetahuinya mengikut keperluan pada dasar "perlu tahu" sahaja.

4.4.3 Mana-mana penjawat awam (bukan Pegawai Institut):

- i. Identiti Pemberi Maklumat dilindungi dan dikelaskan sebagai "SULIT".
- ii. Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan individu yang dilaporkan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali

kepada pihak yang berhak untuk mengetahuinya mengikut keperluan pada dasar "perlu tahu" sahaja.

4.5 Pembatalan perlindungan Pemberi Maklumat

- 4.5.1 Perlindungan kepada Pemberi Maklumat hendaklah terbatal sekiranya:-
- i. Pemberi Maklumat sengaja mendedahkan identitinya sebagai Pemberi Maklumat; atau
 - ii. Pemberi Maklumat sendiri terlibat dalam Kelakuan Tidak Wajar yang didedahkan olehnya; atau
 - iii. Pemberi Maklumat telah mendedahkan maklumat kepada mana-mana pihak yang tidak berhak untuk mengetahuinya, sama ada sebelum atau selepas Pemberi Maklumat mendedahkan maklumat kepada Pegawai Penerima Maklumat.
- 4.5.2 Pendedahan maklumat tersebut mempunyai ciri yang tidak dilindungi di bawah Polisi ini seperti di perenggan 4.1.2.
- 4.5.3 Sekiranya perlindungan Pemberi Maklumat telah dibatalkan, Pegawai Penerima Maklumat hendaklah memaklumkan perkara tersebut melalui suatu notis bertulis kepada Pemberi Maklumat. Namun begitu, pendedahan maklumat yang mempunyai asas akan tetap diproses dan disiasat walaupun perlindungan kepada Pemberi Maklumat dibatalkan.

4.6 Kerahsiaan

- 4.6.1 Pendedahan maklumat yang diberikan adalah merupakan maklumat terperingkat dan dikelaskan sebagai "SULIT" dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali kepada pihak yang berhak untuk mengetahuinya mengikut keperluan pada dasar "perlu tahu" sahaja.
- 4.6.2 Maklumat yang dilaporkan dilindungi pada setiap masa dan disimpan sehingga ke satu tahap yang munasabah melainkan jika ianya dikehendaki oleh undang-undang.
- 4.6.3 Kerahsiaan Maklumat tidak akan terjejas sekiranya pendedahan maklumat itu tidak membawa kepada suatu tindakan tatatertib atau pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang.

5. PEMAKAIAN DAN PENGASINGAN

- 5.1 Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta 605 serta mana-mana akta, pekeliling, peraturan, arahan, standard, garis panduan, panduan dan tatacara serta undang-undang di Malaysia.
- 5.2 Polisi ini tidak boleh digunakan sebagai pengganti atau pilihan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk mendapatkan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah. Seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang, Pemberi Maklumat juga boleh membuat apa-apa laporan salah laku kepada agensi penguatkuasaan undang-undang di mana perlindungan

sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan lain-lain akta yang berkaitan boleh diberikan kepada Pemberi Maklumat.

5.3 Polisi ini terpakai kepada semua pegawai Institut.

6.0 RUJUKAN

- 6.1 Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 [Akta 11]
- 6.2 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605]
- 6.3 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]
- 6.4 Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MARDI 2021-2025 - PERANTI
- 6.5 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kementerian Kerja Raya (KKR)
- 6.6 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- 6.7 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
- 6.8 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
- 6.9 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
- 6.10 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- 6.11 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

7. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling AM MARDI ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.